

Perincikan nasib feri Pulau Pinang

SPPP diminta jelaskan maklumat feri selepas diserahkan kepada syarikat swasta

Oleh MOHD ISKANDAR
OTHTMAN

BUTTERWORTH

Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) perlu memperincikan maklumat penyerahan lima buah feri ikonik Pulau Pinang kepada syarikat swasta seperti yang diumumkan sebelum ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, Satees Muniandy berkata, usaha untuk mengekalkan warisan Pulau Pinang ini disambut baik, namun SPPP juga harus menjelaskan beberapa perkara untuk rakyat mendapatkan gambaran sebenar tentang kegunaan feri berkenaan.

Menurutnya, seperti yang dinyatakan SPPP sebanyak lima syarikat telah dipilih melalui proses tender permintaan untuk cadangan (RFP) namun tidak dijelaskan apakah rancangan khusus syarikat-syarikat tersebut.

"Adakah feri-feri tersebut akan dibawa ke satu lokasi selain Butterworth untuk dijadikan restoran terapung?"

"Dinyatakan dua buah feri akan dijadikan feri pelancongan



Hanya dua buah feri ikonik yang masih digunakan pada masa ini.

namun timbul persoalan di manakah kedua-dua feri tersebut akan berpangkalan dan beroperasi? Semua maklumat ini rakyat Pulau Pinang ingin tahu," katanya menerusi satu kenyataan di sini pada Rabu.

Satees turut mempersoalkan apakah nasib dua buah feri yang masih berkhidmat pada masa ini selepas katamaran baharu sampai dan menggantikan perkhidmatan feri berkenaan kelak.

Beliau berkata, kesemua feri yang digunakan sebelum ini mempunyai nostalgia tersendiri dalam kalangan rakyat Pulau Pinang khususnya penduduk Butterworth.

"Sebab itulah saya berulang-kali meminta sebuah feri perlu dikekalkan di sini.

"Jadi, SPPP harus jelaskan adakah feri ini akan hilang dari Butterworth selama-lamanya?" soalnya.

Pada Selasa, *Sinar Harian* melaporkan lima buah feri Pulau Pinang

akan diserahkan kepada syarikat yang berkelayakan mulai 1 Julai ini bagi tujuan pengubahsuaian menjadi muzium dan restoran terapung sekali gus sebagai feri pelancongan.

Pengerusi SPPP, Datuk Tan Teik Cheng berkata, pihaknya membuka tender Permintaan Untuk Cadangan (RFP) berhubung perkara itu bermula 29 Januari hingga 18 Mac lalu.

"Banyak cadangan diterima menerusi tender RFP tersebut.

"Setelah dinilai oleh beberapa jawatankuasa SPPP, Mesyuarat Lembaga Pengarah SPPP pada pertengahan bulan ini meluluskan syarikat yang berkelayakan untuk mengubahsuaikan dan mengendalikan lima buah feri ikonik.

"Syarikat-syarikat berkelayakan ini akan mengubahsuaikan feri ikonik tersebut kepada muzium terapung (sebuah feri), dua buah feri untuk pelancongan dan dua buah lagi sebagai restoran terapung," katanya.